

# 10 mangsa pemerdagangan manusia dibawa pulang

Sindiket tawar kerja di kasino gaji AS\$2,000 sebulan, tetapi dipaksa jadi scammer

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Sepang:** Sembilan mangsa sindiket pemerdagangan manusia di Vietnam serta seorang dari Myanmar diselamatkan dan dibawa pulang ke Malaysia kelmarin.

Setiausaha Agung Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa Malaysia (MHO), Datuk Hishamuddin Hashim, berkata semua rakyat Malaysia yang diselamatkan di Vietnam itu ditipu ejen sindiket dengan menawarkan pekerjaan di kasino dengan gaji AS\$2,000 sebulan yang akhirnya dijadikan sebagai scammer.

Ini kali pertama MHO menyelamatkan mangsa pemerdagangan manusia di Vietnam kerana sindiket sudah beralih beroperasi antara sempadan Vietnam dan Myanmar.

Siasatan MHO mendapati sindiket di Vietnam didalangi warga Taiwan dan masih ada enam lagi rakyat Malaysia yang dijadikan scammer dan akan dibawa pu-



Hishamuddin (tengah) pada sidang media selepas menyambut kepulangan 10 rakyat Malaysia yang dijadikan mangsa pemerdagangan manusia di Vietnam dan Myanmar di KLIA semalam. (Foto Samadi Ahmad/BH)

lang dalam masa terdekat.

"MHO sudah menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa Vietnam berkenaan sindiket ini dan dalang sudah ditahan dalam operasi ketika menyelamatkan sembilan rakyat Malaysia yang dijadikan scammer," katanya menyambut 10 rakyat Malaysia berkenaan di KLIA kelmarin.

MHO turut membawa pulang seorang bekas guru yang menjadi mangsa sindiket pemerdagangan

manusia di Myanmar.

## Mangsa diculik

Pada awalnya mangsa bercuti ke Thailand dengan seorang kenalan yang pernah belajar di sebuah universiti di Taiwan pada 2 April lalu namun sejurus tiba di negara itu dia dipengsangan.

"Sebaik sedar mangsa mendapati diculik sindiket penipuan dalam talian di Myawaddy, Myanmar sebelum berjaya menelefon

keluarganya di Malaysia bagi meminta bantuan untuk diselamatkan," katanya.

Bekas guru itu juga menghubungi MHO yang kemudian menghantar pasukan bagi menyelamatkannya.

"Dia kemudian berlindung di sebuah rumah wakil MHO selama tiga hari atas faktor keselamatan sebelum dibawa menyeberangi sempadan Thailand Ahad laju," katanya.